Nama:_____ Kelas: _____

Tema: Haiwan Peliharaan

Tajuk: Kucing Kesayangan Ara

Ara ada seekor kucing. Nama kucing Ara adalah Mimi. Ara sangat sayang akan Mimi. Setiap hari, Ara bermain dengan Mimi.

Pada suatu pagi, Mimi hilang. Ara mencari Mimi di halaman rumah. Ara memanggil nama Mimi dan mencari Mimi.
Ara mula menangis kerana takut sesuatu berlaku kepada Mimi. Ibu memeluk Ara dan menenangkannya.

Selepas beberapa jam, Ara terdengar bunyi dari bawah meja di dapur. Ara menemui Mimi yang sedang tidur lena.
Ara tersenyum lega dan memeluk Mimi dengan erat. Ara berjanji akan menjaga Mimi dengan lebih baik.

Disediakan oleh: Cikgu Ara

LIVEWORKSHEETS

Jawab semua soalan di bawah.

1. Apakah nama kucing Ara?

2. Bilakah Mimi hilang?

3. Di manakah Ara mencari Mimi?

4. Mengapakah Ara menangis?

5. Siapakah yang memeluk Ara?

6. Bagaimanakah Ara menemui Mimi?

/6

Disediakan oleh: Cikgu Ara

LIVEWORKSHEETS